

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, March 3, 2017 9:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Ahli LPU Hadiri Sesi Brainstorming Bersama Lembaga Pengarah Anak Syarikat UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



03 MAC 2017 / 04 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

AHLI LPU HADIRI SESI *BRAINSTORMING* BERSAMA LEMBAGA PENGARAH ANAK SYARIKAT UUM



UUM ONLINE: Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang dipengerusikan Tan Sri Siti Sa'adiah Sheikh Bakir hadir mengikuti sesi *brainstorming* bersama Lembaga Pengarah Kumpulan UMHSB dan anak syarikat di EDC Hotels & Resorts, hari ini.

Pada sesi tersebut, Ahli LPU yang turut disertai Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak mendengar taklimat tentang syarikat dan sesi *brainstorming* melibatkan UMHSB dan anak syarikatnya iaitu UECSB, UPSB, UPMSB, USSB dan MCSB.

UMHSB diwakili Suardi Mohamed Zakaria; UECSB oleh Prof Madya Dr Fairol Halim; UPSB oleh Ahmad Fauzi Zainal Abiddin dan Madzli T. Othman; UPMSB oleh Rosley Che Ros; USSB oleh Ahmad Mujahid Abd Ghani dan MCSB oleh Kham Din Chu@Kham Nur Alia Abdullah.

Tan Sri Sa'adiah berkata, UUM harus mengambil peluang untuk menjadikan sesi *brainstorming* itu sebagai medan untuk mengumpul idea, seterusnya menyampaikan pandangan tersebut kepada pihak tertinggi bagi memanfaatkan kedua pihak.

Katanya, sesi itu penting bagi melihat hubungan universiti dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berkaitan bajet dan geran memandangkan universiti kini diminta untuk berdikari dalam menjana kewangan sendiri.

"Dengan adanya ahli LPU, golongan profesor dan ahli lembaga pengarah syarikat, kita akan memikirkan cara untuk menjana pendapatan untuk syarikat dalam apa jua cara yang mungkin tidak pernah ada dalam perancangan sebelum ini.

"Kita mempunyai banyak aset yang mungkin belum dilihat, justeru peluang ini harus diambil supaya kita dapat menjana kekayaan bukan sahaja untuk syarikat malah universiti," katanya.

Tambah beliau, ahli LPU akan sentiasa memberi panduan dan pandangan untuk menjalankan strategi ini.

Hadir sama, ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), Profesor dan pegawai-pegawai kanan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.